

PENJODOH BILANGAN



- Penjodoh bilangan ialah kata yang digunakan dengan kata bilangan untuk kata nama konkrit seperti benda, haiwan, manusia dan tempat.
- Penjodoh bilangan hendaklah digunakan selepas kata bilangan dan sebelum **kata nama** yang mengikutinya.

Penjodoh Bilangan	Digunakan untuk...	Contoh Penggunaan
batang	benda yang lurus, panjang, dan keras	pensel, pembaris, pokok, berus gigi
biji	benda yang bulat dan buah-buahan	gelas, telur, limau
bidang	benda yang lebar, luas, dan rata	tanah, tayar, tikar
bilah	benda yang tajam dan runcing	pisau, jarum, gunting
buah	benda yang bentuknya besar, perabot, bangunan, tempat, dan semua jenis kenderaan	motosikal, kerusi, sekolah, pantai, telefon
butir	benda yang bulat dan kecil	bawang, peluru, manik
ekor	haiwan	ular, kucing, gajah
helai	benda yang nipis, lembut, dan lebar	seluar, baju, tuala, kertas
hiris	benda yang telah dipotong nipis-nipis	cili, bawang, timun
keping	benda yang nipis, lebar dan rata	roti, gambar, biskut, kad
ketul	benda yang sifatnya berketul	tulang, batu, daging
kuntum	bunga	melur, mawar, orkid
orang	manusia	guru, doktor, ibu
pasang	benda atau orang yang berpasang	stoking, cermin mata, pengantin
pucuk	senjata api, surat, dan benda yang halus serta nipis	pistol, surat, meriam
tandan	buah yang tumbuh bergugus	kelapa, pisang, pinang
tangkai	benda yang bertangkai	buah-buahan, bunga
ulas	isi buah-buahan	angka, durian, limau
urat	benda yang panjang, dan halus	dawai, rambut, benang

Praktis



Lengkapkan ayat dengan penjodoh bilangan yang sesuai.

1. Halim makan dua _____ roti sebelum pergi ke sekolah.
2. ibu menggunakan empat _____ telur ayam.
3. Nasir membeli se_____ komputer di kedai komputer itu.
4. Fatma mendapat hadiah se_____ jam tangan.
5. Se_____ baju sekolah itu berharga 250 Bath.

Praktis



Pilih jawapan yang paling tepat.

- | | |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pak Mail membawa se_____ pisang pulang dari kebunnya .
A. buah B. tandan
C. ekor D. biji 2. Se _____ tembikai itu berharga RM6.00
A. buah B. biji
C. ekor D. pasang 3. Juhaira ternampak beberapa _____ burung hinggap di atas pokok kelapa.
A. tandan B. sikat
C. potong D. ekor 4. Dua _____ bas digunakan untuk lawatan ke Kuala Terengganu.
A. biji B. buah
C. pasang D. ekor 5. Se _____ kasut sukan Adidas berharga 2000 Baht.
A. ekor B. pasang
C. tandan D. keping | <ol style="list-style-type: none"> 6. Se _____ pisang itu berharga 40 baht.
A. tandan B. biji
C. pokok D. sikat 7. Emak menghadihkan se _____ baju kurung untuk Nadia.
A. gulung B. keeping
C. lembar D. pasang 8. Abang menggali lubang dengan menggunakan se _____ cangkul.
A. batang B. pucuk
C. bilah D. urat 9. Tiga _____ bunga ros menghiasi pasu kecil di atas meja itu.
A. jambak B. helai
C. keping D. butir 10. Dua _____ filem digunakan untuk mengambil gambar perkahwinan Haziah.
A. lembar B. keeping
C. buah D. gulung |
|---|---|

Nama..... Kelas M.3 Nombor